

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SU KEONG SIONG**  
**[ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH** : **6 APRIL 2016 (RABU)**

**SOALAN** : **18**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah kekurangan kelajuan broadband di Malaysia jika di bandingkan dengan negara-negara jiran di Asia Tenggara. Adakah Kerajaan berhasrat membuka "*High Speed Broadband (HSBB) infrastructure provider*" kepada syarikat lain untuk beroperasi di Malaysia, jika tidak, kenapa.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang telah diumumkan di bawah RMK-11, Kerajaan telah menetapkan sasaran yang khusus untuk perkhidmatan komunikasi. Oleh itu, bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merancang pelan strategik komunikasi dengan melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2) yang melibatkan hampir 390,000 sambungan *port* bermula sejak tahun 2015 di samping menaik taraf ibu sawat di pinggir bandar melalui projek Jalur Lebar

## SOALAN NO: 18

Pinggir Bandar (SUBB) bagi meningkatkan kelajuan internet yang melibatkan hampir 420,000 sambungan *port* di seluruh negara.

Bagi perkhidmatan mudah alih pula, Kerajaan turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi yang sedia ada.

Pihak Kerajaan sentiasa mengalu-alukan dan turut menggalakkan penyertaan mana-mana syarikat telekomunikasi atau pemegang lesen yang layak dan berdaftar di bawah seliaan SKMM agar dapat menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan lebih meluas terutamanya di kawasan luar bandar secara komersil di mana ia dapat memberi pilihan tambahan untuk penduduk supaya melanggan pakej jalur lebar yang lebih berpatutan.